

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENUTUP PERAYAAN MENYAMBUT
ULANGTAHUN JUBLI PERAK PERGERAKAN
WANITA UMNO MALAYSIA DI BANGUNAN
KELAB SULTAN SULAIMAN, KAMPUNG BARU
PADA 14HB JANUARI, 1975

Y.B. Puan Aishah Ghani, Ketua Pegerakan Wanita UMNO Malaysia, Y.B. Menteri-menteri, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Wanita UMNO, Puan-puan dan saudara-saudara sekalian yang hadir.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan hidayahNya dapat bersama-sama hadir dengan puan-puan sekalian pada pagi ini di upacara yang sangat gilang gemilang ini iaitu Perbarisan dan Pamiran yang telah diadakan untuk menyambut perayaan Jubli Perak Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Bagi pihak diri saya sendiri, dan bagi pihak Majlis Tertinggi UMNO serta seluruh ahli-ahli UMNO, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pergerakan Wanita UMNO sempena hari yang bersejarah ini. Saya yakin dan percaya dengan Pergerakan Wanita UMNO memasuki usia yang kedua puluh lima, pergerakan ini akan bertambah subur dan maju untuk berkhidmat dengan lebih berjaya dan cemerlang lagi kepada bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Oleh sebab kita baru sahaja masuk ke tahun 1975 iaitu baru tiga hari yang lalu, saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan kepada sekalian yang hadir Selamat Tahun Baru. Seperti saya terangkan dalam ucapan saya sempena Tahun Baru 1975 tempohari, tahun 1975 ini adalah tahun cabaran bagi kita menghadapi masalah inflasi dan kegentingan ekonomi. Akan tetapi, dengan berkat Tuhan dan dengan kesanggupan dan kesediaan kita semua, Kerajaan dan rakyat daripada semua lapisan untuk berganding

bahu bersama-sama menjalankan langkah-langkah dan usaha untuk mengatasi masalah-masalah itu, kita akan berjaya mengatasi segala-galanya.

Kita semua mengetahui akan masalah-masalah yang kita hadapi dan Kerajaan telah mengisytiharkan langkah-langkah yang mesti diambil. Oleh itu, kalau kita melaksanakan segala langkah itu tak dapat tidak kita akan dapat mengelakkan segala tekanan dan kegentingan yang kita hadapi.

Saudara-saudara sekalian,

Pada peristiwa yang gemilang dan bersejarah ini, sebagai Ketua UMNO patutlah saya mengingat kembali akan sejarah perjuangan Parti kita di mana kaum wanita telah bersama-sama mengambil bahagian yang penting. Di waktu UMNO mula-mula berjuang menjatuhkan Malayan Union, kaum wanita bersama-sama menjadi barisan hadapan dengan kaum lelaki dan juga pemuda untuk menghadapi Kerajaan British dan menentang Malayan Union. Dengan usaha dan tenaga bersama, kita telah dapat meruntuhkan Malayan Union.

Kemudian, pada masa kita berjuang menuntut kemerdekaan, kaum wanita ada bersama-sama disisi kaum lelaki bekerja dengan giat dan bertungkus lumus menghadapi apa juga cabaran yang ada dihadapan kita. Dengan perpaduan yang erat daripada semua pihak, kita berjaya mencapai kemerdekaan bagi Negara kita pada 31 haribulan Ogos, 1957.

Kemudian, timbullah usaha-usaha kita mendirikan konsep Demokrasi Berparlimen yang kita junjung tinggi dan bagi mengisi kemerdekaan yang telah kita capai itu. Kita terpaksa menghadapi beberapa pilihanraya. Sehingga hari ini, sudah lima pilihanraya telah kita hadapi dan kesemuanya Parti kita UMNO bersama-sama dengan rakan-rakan kita dulunya MCA dan MIC dan pada pilihanraya yang baru lalu Parti-parti PAS, Gerakan, PPP dan SUPP telah bersama-sama dengan kita, kita telah mendapat kejayaan yang besar.

Kita semua mengetahui dalam pilihanraya kaum wanitalah yang bekerja tidak kenal penat lelah siang dan malam berjalan dari rumah ke rumah untuk memberi penerangan bagi Parti kita dan

menjamin kejayaan Parti kita. Nyatalah kejayaan Parti kita adalah merupakan wanita kerana mereka bersama-sama yang sentiasa memainkan peranan yang penting.

Dalam usaha-usaha kita mengisi kemerdekaan, memberi Negara kita Malaysia tempat yang sempurna disisi negara-negara antarabangsa dan memberi rakyat Negara kita tempat yang sewajar dan taraf hidup yang moden dan maju, kaum wanita juga adalah mengambil bahagian yang penting bukan saja sebagai anggota-anggota parti yang mendukung Kerajaan bahkan dalam berbagai pertubuhan sukarela yang sentiasa memberi sumbangan dan kerjasama kepada Kerajaan dalam apa juga untuk kemajuan Negara dan kebahagiaan rakyat.

Oleh itu, patutlah kaum wanita semua berbangga dengan segala kemajuan yang kita telah capai sehingga hari ini, baik dari segi Parti kita UMNO mahupun dari segi Kerajaan yang mana Parti kita adalah menjadi tulang belakang Kerajaan yang ada sekarang ini. Bagi pihak rakyat dan Negara, saya sukalah merakamkan penghargaan yang tinggi di atas pengorbanan tenaga, usaha dan setengah-setengahnya harta benda untuk kepentingan bangsa dan Negara. Segala-gala ini tak dapat tiada akan dicatit dengan tinta emas dalam sejarah Negara kita yang muda. Penghargaan ini kita beri kepada semua Ketua-ketua dan anggota wanita samada yang sekarang atau pada masa yang lalu. Dan setengah-setengah telah meninggalkan kita dan kita berdoa moga-moga mereka dirahmati Allah.

Saudara-saudara sekalian,

Oleh sebab sokongan, kerjasama dan pengorbanan kaum wanita itu kita sentiasa tidak melupakan kedudukan mereka dan kita di Malaysia adalah memberi kaum wanita kita tempat yang sewajarnya dan taraf yang sama dengan kaum lelaki. Mereka sekarang ini mendapat tempat dalam semua badan-badan tertinggi Negara seperti Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan-dewan Undangan Negeri dan juga dalam agensi-agensi Kerajaan bersama-sama dengan kaum lelaki, menjalankan usaha, mencurahkan tenaga dan fikiran bagi kemajuan bangsa dan negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah kerap kali menyebutkan tentang peri mustahaknya wanita kita memainkan peranan yang boleh menjamin kesento-

saan Negara kita. Dalam upacara Perayaan Hari Wanita pada 27 haribulan Oktober, 1974, saya telah mengulangi pesanan tentang mustahaknya peranan wanita dalam langkah kita mengatasi tekanan kemerosotan ekonomi. Saya tahu iaitu, sebagaimana saya telah sebutkan, jika sekiranya kaum wanita tidak bersama-sama dengan kita dalam semua langkah yang kita lakukan bagi menjamin kesejahteraan Negara, maka boleh jadi kita tidak akan memperoleh sepełuh kejayaan dalam usaha-usaha tersebut.

Dalam ucapan saya itu juga, saya menyebutkan antara lain, tentang mustahaknya kita menjimatkan wang dan juga melipat gandakan usaha-usaha bagi membanyakkan hasil-hasil tanaman.

Kaum wanita mempunyai kuasa yang kuat bagi mendesak kaum lelaki supaya sentiasa berjimat cermat dan menyimpan wang yang lebih dari kegunaan keperluan supaya bukan saja wang lebih itu dapat digunakan untuk perusahaan dan perniagaan bahkan dapat digunakan untuk faedah masa hadapan lebih-lebih lagi untuk menghadapi keadaan genting.

Begitu juga dalam usaha Kerajaan sekarang ini untuk membanyakkan hasil-hasil tanaman dibawah Rancangan Buku Hijau, saya berharap kaum wanita kita akan bersama-sama memainkan peranan mereka. Inilah langkah yang penting sekali untuk menghadapi tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Saya yakin dan percaya kalau semua pihak mematuhi tindakan Kerajaan di bawah Gerakan Bumijaya ini, kita akan dapat mengelakkan tekanan ekonomi yang kita hadapi.

Selain dari itu, saya telah juga sebutkan tentang peranan wanita di lapangan pembentukan watak yang baik dan berguna dikalangan anak-anak kita. Kalau kita perhatikan dari segi sejarah, selalunya keruntuhan sesuatu kaum atau umat itu adalah berpunca dari kaum wanita. Ini ialah kerana kaum wanita mempunyai hubungan yang rapat sekali dalam serba bentuk kehidupan rakyat. Kanak-kanak kita umpamanya akan besar dan mempunyai nilai-nilai tertentu mengikut tunjuk ajar ibu mereka. Kalau kurang pengawasan yang diberikan kepada mereka oleh ibu-ibu, sudah tentu keadaannya bila besar kelak agak liar dan kurang memberi menafaat kepada masyarakat. Oleh sebab sebegitu penting sekali peranan wanita dalam pertumbuhan sesuatu masyarakat itu.

Saudara-saudara sekalian,

Kaum wanita adalah mempunyai kuasa yang kuat bagi memujuk kaum lelaki iaitu suami-suami dan anak-anak mereka untuk berusaha dan bertenaga dengan lebih giat lagi. Dengan sifat yang lemah lembut, mereka dapat menggerakkan kaum lelaki untuk mengambil bahagian yang lebih penting lagi dalam pembangunan Negara. Saya harap kaum wanita faham akan kuasa yang besar yang ada pada tangan mereka itu tetapi janganlah pula menggunakan kuasa itu untuk mengawal atau mengurung suami masing-masing sehingga mereka itu tidak dapat keluar dari rumah untuk hendak berehat dan bersenang hati di masa-masa lapang.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya telah tegaskan, kita sedia memberi kaum wanita tempat yang tinggi dan wajar di Negara kita. Oleh itu terpujulah kepada kaum wanita untuk menjamin kedudukan mereka itu sendiri. Kita mahu kaum wanita cergas dalam sebarang bidang yang boleh memberi kebajikan kepada Negara, bangsa dan agama. Akan tetapi kita berharap segala langkah dan tindakan serta usaha-usaha yang dilakukan itu tidak akan menjejaskan nilai-nilai kewanitaan yang ada pada mereka yang memang terpuji dan disanjung tinggi.

Begitu juga saya berseru kepada kaum wanita supaya bersama-sama menolong mengawasi nilai-nilai kewanitaan dan menjaga akhlak di kalangan muda mudi kita kerana kita berkehendakkan kaum wanita kita sambil mempunyai kedudukan yang wajar dalam masyarakat Negara kita, adalah juga mempunyai nama yang baik dengan memelihara nilai-nilai kewanitaan mereka.

Kita semua mengetahui bagaimana kaum wanita iaitu ibu-ibu mendidik kita di masa kecil dahulu, walaupun dengan cara lembut tetapi tidaklah bermakna lemah. Dengan sifat yang sentiasa bertimbang rasa dan dengan menggunakan sepenuh kuasa yang lembut itu, mereka dapat memberi ajaran dan didikan yang sempurna kepada anak-anak mereka.

Saya suka melihat sifat-sifat yang disebutkan itu bukan saja terus berkekalan bahkan dipupuk dan disuburkan supaya kaum wanita kita benar-benar menjadi contoh dan tauladan sebagai

wanita moden dan bebas tetapi bertanggungjawab kepada keluarga mereka, kepada suami dan anak-anak mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Kemajuan sesuatu bangsa itu bergantunglah kepada kemajuan tiap-tiap seorang rakyat di Negara itu. Kemajuan rakyat pula bergantung kepada didikan yang diberi kepada mereka oleh ibu-ibu khususnya dan keluarga mereka. Jadi, kalau kita berkehendakkan masyarakat Malaysia menjadi masyarakat yang kuat, maju dan berdisiplin, mustahaklah kita mempunyai keluarga-keluarga yang maju, sihat berdisiplin. Hanya dengan cara demikian, kita dapat menjamin keutuhan bangsa dan masyarakat kita pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya tegaskan pada mula-mula tadi, kita sedang menghadapi masa yang genting dan tahun 1975 ini adalah tahun cabaran yang akan menentukan samada kita berani dan bersedia menjayakan rancangan-rancangan yang telah diatur oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kegentingan ekonomi dan untuk meredakan tekanan inflasi terhadap rakyat di Negara kita.

Saya berseru kepada kaum wanita supaya bekerjasama dengan kaum lelaki. Seperti juga pada masa yang lampau, dalam masa kita menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan, kita mestilah bersatu padu menguatkan tekad dan azam untuk menghadapi cabaran yang ada di hadapan kita. Saya berkehendakkan Rancangan Buku Hijau itu dijayakan dengan sepenuhnya bukan saja dengan tujuan supaya Negara kita akan mempunyai cukup barang makanan dan keperluan bahkan saya berharap kita akan dapat mengeluarkan barang-barang makanan lebih daripada yang dikehendaki supaya dengan itu kita dapat memberi bantuan kepada negara-negara lain yang sentiasa kurang dengan barang-barang makanan.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala bahawa Negara kita mempunyai tanah yang subur dan masih mempunyai lagi tanah yang boleh ditanam dengan barang-barang makanan. Tetapi ada negara-negara di Asia ini, disebabkan terlalu ramai rakyat, tidak mempunyai tanah yang cukup dan kerana selalu pula

ditimpa bencana alam, negara-negara ini terpaksa mengalami kesukaran dan kelaparan dari satu masa ke satu masa.

Oleh sebab itulah pada masa merasmikan kursus yang ditaja oleh Asian Centre for Development Administration, saya telah menganjurkan patut diadakan satu Asian Food Bank atau Bank Makanan Asia untuk membolehkan kita memberi bantuan kepada negara-negara yang menghadapi azab sengsara disebabkan kurang makanan itu. Kita berharap dengan kita berjaya mengeluarkan barang-barang makanan lebih daripada keperluan kita, kita akan dapat memberi bantuan dan pertolongan kepada saudara-saudara kita di negara-negara Asia yang tidak begitu bernasib baik yang mempunyai kedudukan yang sangat mendukacitakan kita.

Saudara-saudara sekalian,

Kita harus bersyukur ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana telah memberi perlindungan dari bencana yang berlaku disetengah-setengah negara lain dan mengurniakan kita bumi yang subur dengan senang sekali tumbuhnya tanam-tanaman. Kalaulah juga dengan adanya keadaan seperti ini masih ada kononnya orang yang lapar ataupun kekurangan makanan, tidaklah dapat disalahkan mana-mana pihak. Saya fikir kita kenalah salahkan diri kita sendiri.

Saya sebutkan ini semua ialah untuk mengingatkan diri kita bagaimana bertuahnya kita disini. Kalaulah kita tidak bersyukur dan berasa insaf atas tuah nasib yang baik yang diberi Allah kepada kita, saya kawatir kita tidak akan dapat mencapai kemajuan yang kita harap-harapkan. Saya harap pihak Pergerakan Wanita UMNO dapat menggerakkan setiap anggotanya bagi menimbulkan keinsafan ini, mudah-mudahan dengan izin Allah, dan berkat kerjasama rakyat dan Kerajaan, kita akan dapat meruntuhkan segala rintangan yang ada dihadapan kita, dan, tidak malu cabaran yang kita hadapi.

Saudara-saudara sekalian,

Sekianlah sahaja ucapan dan pesanan saya pada hari yang mulia dan bersejarah ini. Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Pergerakan Wanita UMNO, sambil merayakan Jubli Perak ini, akan membaharui tekad dan azam untuk terus

memperkuat Pergerakan Wanita dan bersama-sama berganding bahu dalam UMNO untuk meneruskan perjuangan Parti kita bagi memberi kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat dalam Negara yang aman, makmur dan bersatu padu.

Selamat maju jaya.